



*Khutbah Jumaat 16 Disember 2022M / 21 Jumadal Ula 1444H: "Zakat Menyelamatkan Diri dan Harta"  
Jabatan Agama Islam Selangor*


# **MANUAL KHUTBAH JUMAAT**

**TAJUK;**

**ZAKAT MENYELAMATKAN  
DIRI DAN HARTA**



Unit Khutbah  
Bahagian Pengurusan Masjid  
Jabatan Agama Islam Selangor





## "ZAKAT MENYELAMATKAN DIRI DAN HARTA".1

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّلِحَاتِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ  
وَءَاتُوا الزَّكُوةَ لَهُمْ أَجْرُهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ

2

٢٧٧

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى عَالِيهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

3

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ  
فَارَ المُتَّقُونَ.

4

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ  
إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ

5

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT, dengan mematuhi segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita diberikan kejayaan di dunia dan di akhirat.

Tajuk khutbah pada hari ini ialah "**ZAKAT MENYELAMATKAN DIRI DAN HARTA.**"

6



Syariat zakat yang diwahyukan Allah SWT kepada kita hakikatnya mempunyai hikmah yang sangat besar, iaitu menjamin keselamatan bagi kita di dunia dan akhirat, sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 277 yang dibacakan di awal khutbah tadi yang bermaksud:

7

*"Sesungguhnya orang-orang yang beriman, mengerjakan amal soleh, mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat, mereka mendapat pahala di sisi Tuhan mereka. Tidak ada kekhawatiran terhadap mereka dan tidak (pula) mereka bersedih hati."*

8

Inilah yang akan diperolehi bagi mereka yang menunaikan zakat, iaitu rasa selamat dan dijauhkan daripada rasa bimbang atas kehidupan di dunia dan juga di akhirat.

9

Selalunya orang yang berharta akan sentiasa memikirkan agar harta kekayaannya selamat. Memang sesuatu yang lojik, setelah penat mencari kekayaan, sudah pastilah kita sangat sayang kepadanya dan mahu agar ia selamat. Sudah pasti kita tidak mahu harta itu dicuri atau dirompak. Kita juga tidak mahu ia musnah terbakar, dihanyutkan banjir atau hilang ditelan bumi kerana tsunami atau tanah runtuh. Kita juga tidak reda harta itu binasa akibat ditipu oleh scammer sehingga mengalami kerugian puluhan malahan ratusan ribu ringgit.



Dalam hal inilah, Islam telah memberikan jalan keluarnya sejak sekian lama menerusi ibadah zakat. Ini kerana, berpandukan beberapa hadis Nabi Muhammad SAW, jelas sekali bahawa ibadah sedekah dan zakat adalah ibarat ‘pagar halimunan’ yang sangat ampuh untuk menyelamatkan kekayaan kita daripada binasa atau dibinasakan.

Hadis daripada Abdullah bin Mas'ud Radiallahuanhu bahawa Nabi Muhammad SAW bersabda:

10

حَسِّنُوا أَمْوَالَكُمْ بِالزَّكَاةِ

“Lindungilah harta kamu dengan zakat.”

(Riwayat al-Tabarani).

Inilah janji nabi kepada mereka yang menunaikan zakat, iaitu dipelihara Allah SWT hartanya daripada kebinasaan.

11

Mutakhir ini juga ramai orang merasa sangat bimbang dengan kehidupan. Disebabkan ekonomi dunia yang tidak stabil, terdapat kes orang-orang kaya dan masyhur yang menjadi miskin, hingga akhirnya menjadi asnaf zakat. Malah, dek kerana tidak mampu lagi menjalani kehidupan yang mewah, berlakulah pergaduhan suami isteri yang akhirnya membawa kepada perceraian.

12



Selaku manusia, kita memang tidak dapat melawan qada dan qadar Allah SWT. Namun jangan kita lupa, bahawa ada satu ibadah yang mampu menolak musibah daripada menimpa kita. Nabi Muhammad SAW menyatakan bahawa ibadah sedekah termasuk zakat, hakikatnya mampu mengelakkan musibah atau bala bencana daripada menimpa kita, sebagaimana hadis daripada Amru bin Auf Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

13

إِنَّ صَدَقَةَ الْمَرْءِ الْمُسْلِمِ تَزِيدُ فِي الْعُمُرِ وَتَمْنَعُ مِيَةَ السُّوءِ

"Sesungguhnya sedekah (termasuk zakat) seseorang muslim itu memanjangkan umur dan mencegah dari mati dalam keadaan buruk."

14

(Riwayat al-Tabarani).

Ketahuilah bahawa Syaitan dan nafsu jahat amat membenci sifat pemurah, sehingga ia sentiasa berusaha mengajak kita agar selalu merasa was-was untuk memberi sedekah dan menunaikan zakat. Allah SWT berfirman dalam surah al-Baqarah ayat 268:

15

الشَّيْطَانُ يَعِدُكُمُ الْفَقْرَ وَيَأْمُرُكُمْ بِالْفَحْشَاءِ

"Syaitan itu menjanjikan (menakut-nakutkan) kamu dengan kemiskinan dan kepapaan (jika kamu bersedekah atau berzakat), dan ia menyuruh kamu melakukan perbuatan yang keji (bersifat bakhil kedekut)."



Sebenarnya, sedar atau tidak, sifat kedekut yang melekat kuat di hati itu yang menahan seseorang itu daripada memberi sedekah dan berzakat, hakikatnya tanpa sedar menjadi pemangkin kepada kebinasaan hartanya sendiri, seperti mana diingatkan oleh Abu Hurairah Radiallahuanhu bahawa Nabi Muhammad SAW bersabda:

16

مَا مِنْ يَوْمٍ يُصْبِحُ الْعِبَادُ فِيهِ إِلَّا مَلَكَانِ يَنْزَلَانِ فَيَقُولُ أَحَدُهُمَا "اللَّهُمَّ  
أَعْطِ مُنْفِقًا خَلَفًا، وَيَقُولُ الْآخَرُ اللَّهُمَّ أَعْطِ مُمْسِكًا تَلَفًا"

"Tidak ada hari yang mana para hamba itu berpagian padanya melainkan terdapat dua malaikat yang turun, lalu salah satu dari mereka berkata: "Ya Allah, berikanlah ganti kepada orang yang melakukan infaq (sedekah). Manakala malaikat kedua berkata: Ya Allah, berikanlah kebinasaan kepada orang yang menahan hartanya (dari sedekah)."

17

(Riwayat Al-Bukhari dan Muslim).

Ingatlah, Syaitan dan nafsu bakhil akan sentiasa berusaha menghasut kita agar merasa bimbang, jika mahu bersedekah dan berzakat maka kita akan menjadi miskin. Padahal, hakikat yang sebenarnya jika anak Adam itu bersedekah dan berzakat, maka itulah punca yang akan menyebabkan dia menjadi kaya. Maka, menahan diri daripada memberikan sedekah atau zakat hakikatnya akan membuka pintu dan jendela kepada kerosakan harta. Semakin ditahan, semakin luas punca kerosakannya. Seperti mana rosaknya kekayaan Qarun dan juga dirinya yang bakhil pada zaman Nabi Musa Alaihissalam dahulu.

18



Hakikatnya, menjadi seorang yang pemurah adalah suatu kebaikan yang perlu diusahakan, yang perlu disemai dan dibajai setiap hari. Sifat pemurah ini hakikatnya adalah sifat para nabi dan para sahabat.

19

Oleh itu, dalam usaha menyemai budaya memberi dan berzakat inilah, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan anak-anak syarikatnya seperti Lembaga Zakat Selangor (LZS), Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) dan Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE), terus konsisten menyeru kepada umat Islam agar tidak khuatir memberikan zakat, berwakaf dan bersedekah demi manfaat seluruh umat Islam di negeri ini.

20

Ingatlah, berzakat, berwakaf dan bersedekah itu adalah jambatan ke syurga. Ia adalah proses melestarikan harta di dunia demi kesinambungan di akhirat. Orang yang enggan berzakat, berwakaf dan bersedekah semasa hidupnya akan menyesal di saat kematiannya menjelma.

21

Ingatlah firman Allah SWT dalam surah al-Munafiqun ayat 10:

وَأَنْفَقُوا مِنْ مَا رَزَقْنَاكُمْ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَأْتِيَ أَحَدًا كُمْ الْمَوْتُ فَيَقُولُ  
رَبِّ لَوْلَا أَخْرَجْتَنِي إِلَى أَجَلٍ قَرِيبٍ فَأَصَدَّقَ وَأَكُنْ مِنَ الصَّالِحِينَ  
١٠

22



*“Dan belanjakanlah (dermakanlah) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada kamu sebelum seseorang dari kamu sampai ajal maut kepadanya, (kalau tidak) maka dia (pada saat itu) akan merayu dengan katanya: ‘Wahai Tuhanku! Alangkah baiknya kalau Engkau lambatkan kedatangan ajal matiku - ke suatu masa yang sedikit sahaja lagi, supaya aku dapat bersedekah dan dapat pula aku menjadi dari orang-orang yang soleh’.”*

23

Mengakhiri khutbah kali ini, berikut adalah beberapa perkara yang boleh dijadikan pedoman:

1. Umat Islam hendaklah yakin dan percaya bahawa harta adalah milik Allah SWT dan bila-bila masa Allah SWT akan menarik balik nikmat yang diberikan sekiranya tidak dizakatkan, diwakafkan dan disedekahkan.
2. Umat Islam janganlah jadikan harta kekayaan sebagai berhala yang disembah dan dipuja sehingga sanggup melakukan apa sahaja, menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal.
3. Ingatlah bahawa Syaitan dan nafsu itu sentiasa menghasut anak-anak Adam agar menjadi kedekut dan bakhil dan menganggap bahawa harta itu boleh mengekalkan hidupnya di dunia.
4. Umat Islam hendaklah melaksanakan ibadah zakat menerusi Lembaga Zakat Selangor dengan mengunjungi kaunter-kaunter terdekat.

24



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُظْهِرُهُمْ وَتُرْكِيَّهُمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ  
صَلَوَاتَكَ سَكَنٌ لَّهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلَيْمٌ (١٣)

25

"Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk) dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui."

26

(al-Taubah : 103).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ.

30

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهِ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

31



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ。أَشْهُدُ أَنَّ لَا

إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،1

وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ。اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا

مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ2

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ، أُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يِتَّقُوا اللّٰهَ فَقَدْ فَازَ

الْمُتَّقُونَ.3

Sekali lagi khatib ingin mengingatkan supaya sama-sama kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dengan mengawasi diri dan keluarga kita daripada perbuatan keji dan maksiat. Dalam masa yang sama kita terus berdoa agar seluruh negara kita sentiasa dirahmati dan dilindungi daripada segala bentuk ancaman serta penularan wabak Covid-19.5

Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan hamba-hamba Allah yang bersabar ketika menempuh segala penyakit yang menimpa, berdisiplin dengan sentiasa mematuhi SOP dan ambillah pengajaran atas apa yang berlaku, berhati-hati dan beringatlah selalu walau kita diberi kebebasan untuk bergerak. Ini kerana Negara masih memerangi wabak Covid-19 ini demi keselamatan diri kita serta masyarakat keseluruhannya.6

Bagi yang terkesan dengan wabak ini, janganlah mengambil jalan mudah dengan memudarati dan menyakiti diri sendiri. Kita mestilah berjiwa besar, sabar dan kuat mental serta fizikal berdasarkan keimanan yang mantap.7



Marilah sama-sama kita memperbanyakkan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW kerana perintah Allah dalam firman-Nya :

8

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : إِنَّ اللَّهَ وَمَلِكَتُهُ وَيُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا  
صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥﴾

9

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدِ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهِ  
عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَدُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

10

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُحِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ.

11

اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكِ الْكَفَرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ  
وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.

12

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِتَبَيِّنِ الْأَمْيَنِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ  
الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظْ بِعِنْيِ عِنَائِتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحَفْظِ  
وِقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،

13

جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانِ سلاْغُورِ، سُلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ  
شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ.

14



اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَليِ  
عَهْدِ سلاْغُور، تَغْكُو أَمِيرَ شَاهِ إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ

15

الْحَاجِ،

فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمِنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَالْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ  
عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةَ وَالْبِلَادِ، وَبِلْغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ

16

الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.

17

Ya Allah, jadikanlah kami ini hamba-hamba-Mu yang sentiasa meninggikan kalimah dan Agama-Mu. Hindarilah kami dari kelompok dan golongan yang suka mencela, mencaci dan menghina Agama-Mu

18

Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati, jauhilah kami daripada perbuatan rasuah dan salah guna kuasa kerana ini adalah suatu pengkhianatan kepada amanah yang diberikan.

19

Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).

20



اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، إِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَادِ  
وَالْمِحَنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.

21

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَدُرِّيَتْنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَقِينَ إِمَاماً.  
رَبَّنَا إَتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾.

22

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا  
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

23

فَإِذْ كُرُوا اللَّهُ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ  
فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

24